

05/09/2002

Pemimpin Umno diarah semak daftar pemilih

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua pemimpin Umno terutama ketua cawangan, menyemak senarai daftar pemilih bagi memastikan nama pengundi tidak dipindahkan ke kawasan lain atau pengundi dari luar dibawa masuk pihak tertentu.

Arahan itu dikeluarkan Perdana Menteri ketika berucap pada majlis Kursus Perdana Pemuda Perkasa anjuran Pemuda Umno di Kem Wira Wajah, Janda Baik dekat sini kelmarin.

Kira-kira 200 peserta terdiri daripada Exco Pemuda Pusat, Ketua Pemuda Negeri dan Ketua Pemuda Bahagian menghadiri kursus tiga hari itu yang berakhir semalam.

Hadir sama Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob; Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein serta Pengerusi Biro Latihan dan Akademik Pemuda, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir.

Majlis itu diadakan secara tertutup, tetapi beberapa peserta memberitahu Berita Harian bahawa Dr Mahathir memberi arahan itu bagi memastikan kehadiran 'pengundi hantu' atau 'pengundi import' tidak berulang seperti yang berlaku pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan Parlimen Pendang di Kedah, baru-baru ini.

Dr Mahathir menjelaskan semakan itu penting kerana pendaftaran pemilih sejak 16 Julai lalu dibuat sepanjang masa.

Presiden Umno itu juga menyatakan bahawa Pas melakukan kerja pemindahan pengundi sepanjang masa dengan memberi tumpuan kepada kawasan sasaran mereka bagi menjamin kemenangan.

Berikutan itu, Perdana Menteri juga mahu Pemuda Umno memastikan senarai semua ahlinya berada dalam daftar pemilih dan melaporkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) jika ada nama orang dari luar.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir juga mengulangi bahawa semakan di empat peti undi pada pilihan raya kecil DUN Anak Bukit mendapati ada lebih 500 pengundi yang bukan dilahir dan bekerja di kawasan itu.

Malah kata beliau, ada 1,359 nama pengundi di kalangan orang Umno dikeluarkan daripada senarai sah pemilih bagi kawasan Parlimen Pendang menjelang pilihan raya kecil itu.

Pada pilihan raya kecil 18 Julai lalu, calon Barisan Nasional (BN), Datuk Othman Abdul menewaskan calon Pas, Dr Mohd Hayati Othman dengan majoriti 283 undi bagi kerusi Parlimen Pendang. Bagi kerusi DUN Anak Bukit, calon Pas, Amirudin Hamzah menewaskan calon BN, Datuk Zakaria Said dengan majoriti 508 undi.

Dalam ucapan selama kira-kira sejam itu, Dr Mahathir turut mengulangi gesaannya supaya ahli Umno menyokong sesiapa saja yang dipilih sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang, bukan bertindak balas menikam dari belakang kerana kecewa tidak dipilih.

Perdana Menteri juga mahukan ahli Umno menyemaikan sifat kesetiaan kepada parti, bukan kepada individu atau kumpulan bagi memastikan Umno terus unggul walaupun pemimpin datang dan pergi.

Malah, beliau menasihatkan mereka supaya patuh kepada keputusan yang dibuat termasuk soal dasar kerana akhirnya sokongan padu itu akan menjayakan hasrat kerajaan bagi kebaikan semua rakyat.

Beliau juga menasihatkan ahli Umno yang berhasrat menjadi pemimpin masa depan supaya berdisiplin, mengawal nafsu dan sanggup untuk hidup sederhana, bukan menunjukkan kemewahan diri.

Dr Mahathir seterusnya dipetik sebagai berkata: "Kepada saya, individu

tak penting, saya tak penting kerana saya cuma menjalankan tugas. Yang penting ialah parti dan tunjukkan kesetiaan kepada parti, bukan individu.

"Kalau nak jadi pemimpin, ketepikan kepentingan diri. Pemimpin juga kena bersih. Kalau nak jadi Perdana Menteri, mesti kawal nafsu, kawal segala tarikan yang lain termasuk nak kumpul wang.

"Kalau nak kaya, buat perniagaan dan kerja kuat. Kalau nak derma, dermalah kepada tabung Umno," katanya.